

ZPP, Bank Islam perkenal program Pembiayaan Mikro i-Tekad

# Bantu usahawan mikro asnaf, B40

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA

**SEBERANG PERAI** – Program Pembiayaan Mikro i-Tekad anjuran Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) mampu menjadi batu loncatan dalam membantu usahawan mikro asnaf dan golongan B40 di negeri ini.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Dr. Roslan Ahmad berkata, program itu merupakan satu inisiatif kewangan sosial yang menyokong dan memudahkan pembiayaan usahawan mikro asnaf dan B40 yang hilang pendapatan akibat pandemik Covid-19.

Program tersebut menggunakan sumbangan kewangan seperti zakat, wakaf dan sedekah sebagai modal permulaan yang digabungkan dengan pembiayaan mikro berpatutan untuk pemohon yang layak.

“Saya difahamkan BIMB merupakan bank pertama yang me-



**ROSLAN (tengah) menyaksikan pemeteraian MoU Pembiayaan Mikro i-TEKAD antara ZPP dengan BIMB di Bandar Perda, Bukit Mertajam semalam.**

laksanakan program i-Tekad,” katanya pada majlis pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak di Bandar Perda di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) ZPP,

Mohamad Kairi Ghazali dan Ketua Pegawai Rangkaian Kewangan BIMB, Mohd. Nazri Chik.

Selain Pembiayaan Mikro i-Tekad, MoU turut meliputi Pembiayaan Mikro BangKIT dan Geran Perniagaan BangKIT (BBG)

bagi pembangunan usahawan mikro yang belum layak mendapat pembiayaan perbankan.

Mohamad Kairi memberitahu, melalui produk pembiayaan mikro i-TEKAD, beliau melihat industri perbankan giat memperkenalkan

kan produk baharu yang direka bagi memenuhi keperluan khusus segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan sebelum ini.

Katanya, produk itu termasuk pembiayaan mikro ihsan untuk usahawan B40 serta asnaf zakat yang dibiayai oleh sumbangan derma daripada syarikat korporat dan program pembiayaan melalui dana zakat.

“Usaha mengenai Pemerkasaan Usahawan Asnaf melalui Pembiayaan Mikro BIMB boleh menjadi contoh program rintis yang menggunakan instrumen kewangan sosial untuk melengkapkan penyelesaian kewangan usahawan sedia ada di Pulau Pinang.

“Pihak bank dan ZPP akan terus memantau kemajuan dan kesan yang dihasilkan daripada inisiatif kewangan sosial bagi tujuan mengukuhkan ekosistem melalui dana zakat yang lebih berdaya tahan dan efektif di Pulau Pinang,” tambahnya.